

12 JAN 2002

KLIBOR-MINGGUAN/I

NIAGA HADAPAN KLIBOR BERGERAK DALAM JAJARAN KECIL MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Kontrak hadapan tiga bulan KLIBOR yang diniagakan di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) mungkin bergerak dalam jajaran sempit minggu depan, kata seorang peniaga.

Kata beliau, pelabur-pelabur tidak pasti sama ada akan berlaku perubahan kadar faedah dalam jangka terdekat ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pada hari Jumaat bahawa penurunan seterusnya yen boleh mendorong penetapan ringgit berbanding dolar AS dikaji semula.

Malaysia menetapkan nilai ringgit pada 3.80 bagi setiap dolar AS semasa krisis serantau Asia memuncak bagi menangkis serangan spekulasi terhadap matawangnya.

Secara perbandingan Jumaat ke Jumaat, Jan '02 turun tujuh mata asas kepada 96.57, Jun '02 susut 12 mata asas kepada 96.5 dan Mac '03 jatuh empat mata asas kepada 95.9.

Jumlah dagangan terkumpul minggu ini meningkat kepada 1,480 lot daripada 1,070 lot yang dicatat pada minggu sebelumnya.

Penanda aras, KLIBOR tiga bulan naik kepada 3.29 peratus daripada 3.28 peratus sebelumnya. -- BERNAMA

LES MR KY ZK